

Salah guna dadah, lelaki didenda RM3,000

MIRI: Padah terlibat kegiatan penyalahgunaan dadah, seorang lelaki didenda RM3,000 atau empat bulan penjara oleh Mahkamah Majistret.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan oleh pihak polis selama tempoh dua tahun.

Mohd Azrul Bakri Abdullah, 22, dari Piasau Utara di sini telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 (Akta 234) dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawa-

tan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah menggunakan dadah berbahaya jenis 11-Nor-delta-9-tetrahydrocannabinol-9-carboxylic acid yang terkandung di dalam Jadual Pertama ADB 1952, dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.40 pagi, 15 Jun tahun ini di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri.

Pendakwaan dilakukan ASP Mary Ong di hadapan Majistret Michelle Lim Wan Chen.